



**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA**

Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia
Ministry of Youth and Sports
Aras 10, Menara KBS,
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 PUTRAJAYA,
MALAYSIA



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Tel : +603 - 8871 3417
Fax : +603 - 8871 3342
Web : www.iyres.gov.my
E-mel : info@iyres.gov.my

Rujukan Kami: KBS.IPPBM: 600/1/32 (19)

Tarikh: 15 Julai 2016

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI SEMINAR PENYELIDIKAN IYRES 2016, "MENERAJUI
PENYELIDIKAN MENEMPA PERUBAHAN"**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagai makluman, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sebagai sebuah pusat penyelidikan nasional yang bernaung di bawah Kementerian Belia dan Sukan. IYRES berperanan bagi mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan belia berusia 15-30 tahun dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan projek penyelidikan, menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar, menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

3. Sehubungan itu, IYRES akan melaksanakan Seminar Penyelidikan IYRES 2016 dengan membawa tema "**Menerajui Penyelidikan Mendepani Perubahan**". Tujuan penganjuran seminar adalah bagi menyokong dan membudayakan amalan penyelidikan, pembangunan, inovasi serta penerbitan bagi membantu pembentukan polisi dan menyediakan garis panduan kepada pelbagai pihak. Selain itu, penganjuran seminar ini juga akan dapat menyebarkan ilmu berkaitan pembangunan belia dan memperkukuhkan sinergi kerjasama yang telah sedia terjalin di antara IYRES dan pakar akademik secara keseluruhan. Seminar tersebut akan diadakan mengikut ketetapan berikut:-

Tarikh : 9-10 Ogos 2016 (Selasa & Rabu)
Masa : 8.30 pagi – 5.30 petang
Tempat : Hotel Seri Petaling, Kuala Lumpur

4. Bagi tujuan tersebut di atas, IYRES berbesar hati untuk menjemput YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan serta kakitangan bagi mewakili organisasi sebagai sebahagian daripada peserta. Bersama-sama ini disertakan brosur berkaitan penganjuran seminar serta kadar bayaran yang dikenakan bagi menyertai seminar ini.

5. Untuk keterangan lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Puan Shariffah Mamat** (shariffah@iyres.gov.my) di talian **03-8871 3790**.

Sekian, terima kasih.

"KNOWLEDGE.ACTION.IMPACT"

(DR. HJH. WASITAH HJ MOHD YUSOF)

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

RESEARCH | DISSEMINATION OF INFORMATION | NETWORKING
PENYELIDIKAN | PENYEBARAN MAKLUMAT | JALINAN KERJASAMA

'1 BELIA 1 MALAYSIA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 5653